



SOP PENUTUPAN PREMIS

SDMC
10 JANUARI 2021

MLGH 

MEMBASMI KUMAN DAN MENUTUP PREMIS

AKTA 342

SubSeksyen 18. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa mempunyai sebab untuk percaya bahawa telah ada seseorang yang menghidap penyakit berjangkit di mana-mana premis, atau bahawa di mana-mana premis terdapat keadaan yang mungkin menyebabkan bermulanya atau merebaknya apa-apa penyakit berjangkit, dia boleh melakukan mana-mana atau kesemua yang berikut:

(d) memerintahkan supaya premis itu atau mana-mana bahagiannya ditutup sehingga premis itu dibasmi kuman, dibasmi serangga dan dibasmi tikus dengan sempurnanya;

(f) melakukan apa-apa perbuatan lain bagi mencegah bermulanya atau merebaknya sesuatu penyakit berjangkit.



SEKTOR:

SOP PENUTUPAN PREMIS

Merangkumi

Premis Perniagaan
Pejabat Kerajaan & Swasta
Tempat Ibadat
Tempat Awam
Institusi Pendidikan

Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

Arahan Tetap

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa

Aktiviti & Protokol

Tindakan

- Penerangan Ringkas

Penutupan Premis

- Penutupan sementara premis yang dijangkiti dan disyaki telah dijangkiti sesuatu virus atau kuman penyakit adalah perlu untuk memutuskan rantai jangkitan. Semasa penutupan ini, aktiviti disinfeksi dan sanitasi hendaklah dijalankan (Rujuk Annex 25 - COVID-19: Management Guidelines for Workplaces),.
- Penutupan dilaksanakan serta merta.
- Penutupan premis ini boleh dilakukan secara sukarela (*volunteer closure*) oleh operator
- Atau diarahkan tutup bawah Subseksyen 18(1)(d) atau Subseksyen 18(1)(f), Akta 342

Perintah Penutupan Premis

- Tutup premis sepenuhnya dengan menampal **Notis Perintah Tutup Premis** di mana-mana bahagian premis yang dirasakan sesuai oleh PKB KKM
- Jangka masa penutupan premis adalah selama **7 hari** bagi membolehkan pematuhan terhadap semua arahan kerja yang telah dikeluarkan

Pembukaan semula Premis

- Premis boleh dibuka semula sekiranya pihak berkuasa atau Pegawai Diberi Kuasa telah berpuashati dengan aktiviti disinfeksi yang telah dijalankan dan premis tidak lagi berpotensi untuk menularkan sesuatu penyakit berjangkit.
- Operator premis perlu membuat permohonan kepada PKB atau pihak berkuasa sebelum beroperasi semula
- PKB atau pihak berkuasa hendaklah menjalankan pemeriksaan berpandukan Notis Arahan Kerja
- Sekiranya Notis Arahan Kerja dipatuhi, PKB atau pihak berkuasa akan mengeluarkan surat kebenaran buka semula premis
- Sekiranya masih terdapat arahan kerja yang tidak dipatuhi, tempoh penutupan akan dilanjutkan.
- Premis yang dilanjutkan tempoh penutupan, perlu memohon untuk pemeriksaan semula

Buka Semula

- Operator/pekerja yang hadir bekerja semasa kes positif berada di premis **WAJIB** dikuarantin selama 14 hari dan disaring untuk ujian COVID-19.
- Premis hanya dibenarkan untuk dibuka semula dengan tenaga kerja baharu (Pekerja yang dikuarantin **TIDAK DIBENARKAN** bekerja dalam tempoh kuarantin)